

Headline	Pesakit lumpuh dibantu, rumah dibaiki		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Apr 2013	Language	Malay
Circulation	192,982	Readership	1,521,000
Section	Sentral	Color	Black/white
Page No	N7	ArticleSize	188 cm ²
AdValue	RM 3,297	PR Value	RM 9,892



Pesakit lumpuh dibantu, rumah dibaiki

Changlun: “Kami sekeluarga amat berterima kasih kepada Barisan Nasional (BN) kerana banyak menghulurkan bantuan, termasuk membaiki kerosakan rumah,” kata seorang penduduk miskin, Rohana Said, 41.

Rohana dari Kampung Padang Pasir, dekat sini, berkata dia sekeluarga amat terhutang budi dengan BN, khususnya calon kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Kayu Hitam, Datuk Ahmad Zaini Japar.

Calon BN banyak membantu

Beliau berkata, calon BN itu banyak membantu meringankan kesusahannya apabila memberikan bantuan kerusi roda untuk suaminya, Ahmad Shukri Mat, 43, yang lumpuh dan membaiki rumah mereka yang rosak.

Katanya, sejak suaminya lumpuh selepas terjatuh ketika bekerja sebagai pemotong rumput di Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok, lapan tahun lalu dia mengambil alih tugas sebagai ketua keluarga dengan bekerja sebagai tukang cuci.

Mereka mempunyai empat anak iaitu Mohd Faizal, 20; Nurul-

huda Ahmad Shukri, 18; Nur Hidayah, 14, dan Nur Ain, 12.

Pendapatan tidak seberapa

Anak sulung dan anak kedua mereka baru bekerja dan pendapatan mereka juga tidak seberapa menyebabkan Rohana terpaksa bekerja.

Nur Hidayah

hanya bersekolah sehingga Tahun Enam, manakala Nur Ain kini bersekolah di Tahun Enam.

Selain lumpuh, Ahmad Shukri juga menghadapi masalah peningkatan mendadak berat badan yang kini mencecah 115 kilogram (kg), berbanding 70 kg sebelum ini.

Sementara itu, Ahmad Zaini yang mempertahankan kerusi DUN itu yang dimenangnya sejak Pilihan Raya Umum Ke-12 2008 berkata, bantuan pembaikan kerosakan rumah itu disalurkan melalui Bantuan Rumah Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Kayu Hitam yang mensasarkan golongan miskin, warga tua dan orang kelainan upaya (OKU).

Sudah beri bantuan

“Setakat ini kita sudah memberi bantuan membaiki rumah kepada lebih 1,000 keluarga bagi memastikan rakyat dapat hidup dalam keadaan selesa,” katanya.

kerosakan rumah.

Calon BN itu banyak membantu meringankan kesusahannya”

Rohana Said,
Penduduk miskin

“**Kami sekeluarga amat berterima kasih kepada BN kerana banyak menghulurkan bantuan, termasuk membaiki**